

Pihak berkuasa perlu pantau penjualan mercun dalam media sosial

Setiap tahun terutama ketika menyambut perayaan, isu penjualan mercun diperkatakan terutama jika membabitkan kecelakaan. Pada minggu pertama Ramadan tahun ini, ada yang menjadi mangsa.

Mengapa perkara ini terjadi sedangkan bermain mercun bukan budaya Islam. Islam tidak membenarkan penganutnya melakukan sesuatu yang tidak mendatangkan faedah serta mendatangkan bahaya dan merugikan.

Secara umumnya, mercun diklasifikasi sebagai bahan letupan berkuasa rendah. Oleh itu, beberapa negara mengharamkan pembakaran mercun kerana beberapa sebab antaranya pencemaran bunyi, risiko kecederaan serta kebakaran.

Di Malaysia, aktiviti pengilangan, penyimpanan, pemilikan, pembakaran atau permainan mercun dibendung dan dikawal selia melalui akta berkaitan seperti Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207), Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336).

Banteras penyeludupan

Bagi membendung isu ini, usaha pemantauan harus dilakukan dengan lebih tegas oleh pihak berkaitan dengan mengawal ketat pintu sempadan yang sering digunakan untuk mengimport mercun ke negara ini.

Suatu masa dahulu mercun dijual di pasar atau bazar Ramadan, kini mercun didapati dipasarkan serta dipromosikan melalui me-

dia sosial. Jika perkara ini tidak dibendung, ia akan menarik perhatian pengguna terutama kanak-kanak serta remaja yang teramai media sosial.

Agensi berkaitan seperti Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mesti bertindak tegas membanteras penyeludupan serta penjualan mercun termasuk melalui media sosial.

Mereka perlu menjalin kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi memantau aktiviti membabitkan penjualan mercun melalui media sosial. Pengguna

juga perlu melaporkan kepada pihak berkaitan sekiranya mendapati ada pihak menyalahgunakan media sosial untuk melakukan sebarang aktiviti berkaitan penjualan mercun.

Penambahbaikan aspek undang-undang seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) perlu bagi membendung isu penjualan mercun serta bahan api terlarang melalui media sosial.

Masyarakat perlu peka

Pengguna, terutama ibu bapa boleh memainkan peranan dengan memantau akaun media sosial anak mereka.

Mereka juga boleh membuat laporan atau aduan kepada SKMM dengan menyertakan dokumen sokongan dan maklumat ter-

perinci mengenai kandungan yang diadukan melalui alamat <http://aduan.skmm.gov.my/> atau mana-mana saluran aduan disediakan SKMM.

Masyarakat sekeliling juga hendaklah peka serta melaporkan kepada pihak berkuasa jika mendapati terdapat pihak tidak bertanggungjawab menyimpan atau menjual mercun.

Bersama kita menjaga keselamatan semua pihak terutamanya anak kita daripada terus terbabit dalam aktiviti yang tidak membawa faedah serta mengajak mereka mengisi dan menghayati Ramadan Al-Mubarak yang penuh berkat ini.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia